



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Bilangan 01 Tahun 2020

PELAKSANAAN PENYAMPAIAN DAN PENILAIAN PEMBELAJARAN BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

TUJUAN

1. Surat pekeliling ini bertujuan memberi panduan tentang tugas pensyarah, penyampaian pengajaran dan penilaian pembelajaran sepanjang Mac-Julai 2020 di Universiti Teknologi MARA berikutan penularan wabak COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan.

LATAR BELAKANG

2. Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia sejak Disember 2019 memerlukan universiti merancang penyampaian dan pentaksiran pembelajaran yang sesuai, wajar dan berkesan dengan mengambil kira beberapa perkara penting iaitu:

- a. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara (Perutusan YAB Perdana Menteri, 16 Mac 2020).
- b. Kekangan penyampaian dan pembelajaran secara bersemuka sebagai langkah kawalan pencegahan berkaitan COVID-19.

3. Perkara di atas memberi kesan ke atas kalender akademik dan keberadaan pensyarah dan pelajar di kampus. Justeru, satu panduan perlu digariskan dan inisiatif di luar kelaziman perlu digerakkan untuk membantu para pensyarah dan pelajar memahami konsep penyampaian dan pembelajaran dalam krisis, keadaan terhad dan terdesak seterusnya mengamal kaedah penyampaian dan pembelajaran yang fleksibel, wajar, berkesan dan relevan dengan senario semasa.

4. Panduan ini dibangunkan dengan mengambilkira status kemudahan dan capaian di mana pensyarah dan pelajar berada serta dasar dan polisi penyampaian dan pembelajaran sedia ada yang antaranya ialah:

- a. Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bil. 01 Tahun 2017
- b. Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bil. 01 Tahun 2018
- c. Pekeliling Akademik Bil. 04 Tahun 2019
- d. Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bertarikh 28 Ogos Tahun 2019
- e. Peraturan Akademik UiTM Pindaan 2017 (Bilangan 1)
- f. Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM Edisi Kedua 2015

5. Panduan ini harus digunakan secara berhemah dan disisipi empati dengan mengambil kira situasi dan keadaan di fakulti masing-masing. Semua Dekan dan Rektor juga dimohon untuk memberi perhatian kepada situasi di kediaman para pensyarah yang mempunyai anak kecil dan masih bersekolah semasa arahan perintah kawalan pergerakan dilaksanakan terutama apabila pensyarah perlu melaksanakan kerja dari rumah.

PELAKSANAAN

6. Panduan ini disediakan untuk tiga (3) kategori iaitu (i) penyempurnaan tugas pensyarah, (ii) penyampaian pengajaran dan (iii) pentaksiran pembelajaran. Ia juga mengambil kira beberapa senario termasuk darurat yang mungkin berlaku berdasarkan tahap Perintah Kawalan Pergerakan.

7. Dalam tempoh **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**, pensyarah diminta berada di kediaman masing-masing dan menjalankan tugas dari rumah (*Work From Home*) serta menggunakan kemudahan dalam talian sebanyak mungkin. Walau bagaimanapun, kaedah penyampaian pengajaran secara tidak bersemuka memerlukan lebih masa dan cara pelaksanaan yang berbeza. Ini lebih ketara apabila ia melibatkan bilangan pelajar yang ramai.

7.1 PENYEMPURNAAN TUGAS PENSYARAH

- 7.1.1 Pensyarah dinasihati mempunyai log atau kaedah sendiri untuk mendokumenkan hasil kerja masing-masing.
- 7.1.2 Tumpuan adalah kepada hasil (*outcome*) dan output yang ditetapkan dalam Amanah Tugas masing-masing.
 - 7.1.2.1 Para pensyarah digalakkan memuat naik perancangan tugas ke Sistem MyATP agar ianya lebih jelas dan boleh disahkan oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) apabila bukti penyempurnaan tugas disertakan.
- 7.1.3 Tugas syarahan (KS) perlu diolah sebagai pemudahcaraan untuk memastikan keberkesanan penyampaian dan bagi mencapai hasil pembelajaran. Dalam konteks penyampaian tidak setempat dan tidak segerak, jam temu dikira berdasarkan jam interaksi dengan pelajar (Rujuk Perkara 2.13.3 Peraturan Akademik UiTM Pindaan 2017 (Bilangan 1)).
 - 7.1.3.1 Terma Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) akan digunakan untuk penyampaian pensyarah UiTM.

7.1.4 Pensyarah tidak diwajibkan mendaftar jam kuliah menurut jadual waktu yang disediakan setiap hari. Ini adalah menurut takrifan Keberadaan Fleksibel (MEU 2019) yang membolehkan pensyarah bekerja minimum 39 jam seminggu menurut bentuk tugas dan keupayaan masing-masing. Walau bagaimanapun, fakulti dan UiTM cawangan perlu memastikan pelajar tidak terbeban dengan sesi-sesi pembelajaran dan pentaksiran yang bertindih.

7.2 PENYAMPAIAN PENGAJARAN

7.2.1 Pensyarah perlu mereka bentuk semula penyampaian dan menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dengan mengolah peranan pelajar agar lebih aktif dan tidak hanya menunggu nota dan arahan daripada pensyarah.

7.2.1.1 Sehubungan itu, pensyarah disaran mengurangkan kaedah *direct instruction* dan sebaliknya menggunakan kaedah *flipped* serta pembelajaran teradun (*Blended Learning*).

7.2.2 Pensyarah perlu mengaplikasi konsep Rekabentuk Pengajaran dan Pembelajaran Universal (*Universal Design of Instruction / Learning*) yang memerlukan seseorang pensyarah menyediakan bahan dan mengolah pembelajaran bersesuaian dengan keupayaan, akses dan kemudahan capaian para pelajar.

7.2.2.1 Pensyarah perlu memilih teknologi yang sesuai untuk menyokong PdPc yang berlaku dalam talian.

7.2.2.2 Pensyarah disaran menggunakan teknologi mudah sebagai permulaan dan memastikan semua pelajar boleh melibatkan diri dalam sesi pembelajaran.

7.2.2.3 Pensyarah tidak wajib mengadakan sesi segerak berdasarkan video (*video based synchronous session*) atau mana-mana sesi berbantu teknologi yang memerlukan keupayaan internet yang tinggi.

7.2.2.4 Semua sesi makmal / bengkel / studio / lapangan / padang / dapur / seminar dijalankan secara dalam talian hanya sekiranya ia boleh dijalankan dengan kaedah tersebut.

7.2.3 Pensyarah perlu menyediakan bahan dalam bentuk digital (PDF, PPT, MOOC dan seumpamanya) dan memuat naik bahan-bahan tersebut ke platform dalam talian. Ini termasuk memajukannya melalui e-mel dan media sosial.

7.2.3.1 Pensyarah disaran membangunkan bahan pembelajaran kendiri yang membolehkan pelajar memulakan pembelajaran sendiri dan kemudian diperkuuhkan kefahamannya dalam sesi diskusi atau pentaksiran.

7.2.3.2 Bahan pembelajaran kendiri berdasarkan teks adalah bahan digital paling ringkas dan mudah capai.

7.2.3.3 Pensyarah disaran berkongsi bahan terutamanya MOOC dengan para pensyarah di kampus-kampus lain seluruh UiTM.

7.2.3.4 Senarai MOOC yang telah dibangunkan boleh dicapai di pautan:

<https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/home>

7.2.4 Pensyarah boleh memilih mana-mana platform yang sesuai dengan kemudahan capaian dan akses para pelajar.

7.2.4.1 Pensyarah disaran menggunakan platform UFUTURE (dahulunya dikenali sebagai iLearn) yang telah disediakan universiti di pautan:

<https://ufuture.uitm.edu.my>

7.2.4.2 Komuniti sokongan UFUTURE dalam talian telah ditubuhkan dan mula beroperasi sejak Mac 2020.

7.2.4.3 Fakulti dan UiTM cawangan perlu memanfaatkan khidmat Penyelaras Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) di fakulti dan UiTM cawangan masing-masing.

7.2.5 Pensyarah boleh menggunakan mana-mana *interactive digital tools* dalam penyampaian yang sesuai dengan kemudahan capaian dan akses para pelajar. Sila rujuk panduan terperinci di Laman Sokongan Akademik di pautan:

<https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/home>

7.2.6 Pensyarah perlu mendokumenkan sesi pembelajaran dan pentaksiran sebagai bukti PdPc telah berlangsung. Ini boleh dilaporkan dalam bentuk *screen capture*, *export chat* dan sebagainya.

7.3 PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN PEMBELAJARAN

Sebagai langkah penyesuaian pentaksiran dan penilaian tanpa menjelaskan pencapaian hasil pembelajaran, fakulti dan UiTM cawangan perlu memberi perhatian penuh kepada kaedah pentaksiran, bilangan dan tempoh tugas penilaian, serta proses pelaksanaan penilaian.

7.3.1 Fakulti dan UiTM cawangan perlu memastikan Pensyarah Sumber (Resource Person) membuat semakan agar kaedah pentaksiran dan bilangan tugas penilaian adalah sejajar dengan hasil pembelajaran yang dijangka.

7.3.1.1 Satu kaedah pentaksiran boleh mengukur lebih dari satu hasil pembelajaran kursus

7.3.1.2 Bilangan tugas penilaian sesuatu kursus tidak boleh melebihi empat (4).

- 7.3.1.3 *Student Learning Time* (SLT) dan tugas penilaian mampu mencapai hasil pembelajaran kursus dan pelajar.
- 7.3.1.4 Pensyarah Sumber (Resource Person) perlu memajukan cadangan perubahan untuk diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) atau Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN).
- 7.3.2 Fakulti dan UiTM cawangan perlu memastikan Pensyarah Sumber (Resource Person) menjadualkan kaedah, tugas, tempoh dan proses penilaian di sepanjang semester dan tidak melaksanakan kesemuanya di minggu-minggu terakhir seperti minggu ke-13 hingga ke-14.
- 7.3.3 Fakulti dan UiTM cawangan dibenarkan membuat perubahan parameter dengan syarat perlu dimintahkan di mesyuarat JAF / JAN.
- 7.3.4 Tarikh akhir untuk memuktamadkan pertukaran parameter pentaksiran kursus untuk sesi Mac-Julai 2020 ialah pada 12 April 2020.
- 7.3.4.1 Sebarang perubahan pentaksiran dan penilaian perlu diluluskan di dalam Mesyuarat JAF / JAN dan dimaklumkan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebelum maklumat dikemas kini di dalam Sistem AIMS.
- 7.3.4.2 Sekiranya berlaku perubahan, maklumat tersebut perlu disampaikan kepada pihak yang berkepentingan terutamanya kepada semua pensyarah yang mengajar kursus tersebut termasuk di kampus / cawangan lain. Perubahan juga perlu dimaklumkan kepada pelajar.

SOKONGAN

8. Untuk membantu Pensyarah, Pakar Rujuk, serta pengurusan fakulti dan UiTM cawangan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dengan kerjasama iCEPS telah menyediakan laman sokongan di pautan berikut:

<https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/home>

9. Laman ini memuatkan panduan terperinci penggunaan teknologi untuk PdPc dalam talian, senarai MOOC yang aktif serta hal-hal akademik yang berkait terus dengan Perintah Kawalan Pergerakan.

TINDAKAN

10. Panduan ini perlu dibaca bersama Pekeliling Naib Canselor UiTM berkenaan aktiviti akademik semasa dan pasca PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN.

11. Dekan dan Rektor dimohon mengambil maklum tentang pelaksanaan dan menggunakan kearifan masing-masing untuk melaksanakannya agar pembelajaran para pelajar tidak terjejas ketika krisis penularan wabak COVID-19 ini.

12. Semua pensyarah disaran menggunakan tempoh PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN dan cuti pertengahan semester Mac-Julai 2020 untuk membangunkan bahan e-kandungan, merekabentuk semula pengajaran dan meneroka kaedah digital yang menyokong PdPc dalam talian.

TARIKH KUAT KUASA

13. Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.



PROF. TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

25 Mac 2020

Semua Dekan Fakulti / Akademi / Pusat
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Pengarah Institut / Pusat / Pusat Kecemerlangan

Kategori : Arahan Akademik
Bil. Fail : 100-HEA (6/4)